

Mahasiswa tak wajar salah guna BB1M

Kerajaan memperuntukkan pemberian Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) sebanyak RM250 kepada mahasiswa yang menuntut di institusi pengajian tinggi awam dan swasta merangkumi program diploma sehingga ke peringkat PhD serta pelajar Tingkatan Enam.

Inisiatif kerajaan ini untuk mengurangkan beban mahasiswa dalam perbelanjaan khususnya membeli buku pengajian. Ia menunjukkan keprihatinan dan rasa tanggungjawab kerajaan terhadap kebajikan rakyat terutama mahasiswa.

Pemberian BB1M diagihkan awal bulan Mac lalu di seluruh negara. Persoalannya, adakah mahasiswa menggunakan BB1M dengan sebaiknya?

Tak hargai bantuan

Ada segelintir mahasiswa menyalahgunakan pemberian BB1M yang menunjukkan mereka tidak

menghargai bantuan itu. Misalnya, mereka menjual BB1M dengan nilai rendah untuk mendapatkan wang.

Hal demikian kerana BB1M hanya boleh digunakan untuk membeli keperluan pembelajaran dan bukan untuk tujuan berhibur atau sebagainya.

Ada juga mahasiswa mengangap BB1M tidak wajar kerana bahan rujukan dijual pensyarah tidak dapat dibeli menggunakan baucar itu.

Tukar baucar BB1M dengan wang tunai

Malah, sesetengah premis buku mengambil kesempatan dengan mengaut keuntungan semata-mata melalui pertukaran BB1M dengan wang tunai.

Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) melahirkan kekesalan dengan pemilik premis buku yang seolah-olah 'menghalalkan' perbuatan itu. Perkara ini



Baucar buku diberikan kerajaan **membantu meringankan beban mahasiswa.** [GAMBAR HIASAN]

jelas apabila mahasiswa bebas menukar BB1M dengan bahan bukan buku seperti pakaian, kasut, gajet dan peralatan komputer.

Pertukaran BB1M dengan wang tunai sewajarnya tidak berlaku dalam kalangan mahasiswa. Menerusi akhbar tempatan, Gagasan Pendidikan Melayu Malaysia (Gagasan) berharap garis pandu-

an yang diwujudkan Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pendidikan mengenai pembelian buku dapat dipatuhi mahasiswa.

Bagi mengelakkan penyalahgunaan BB1M ini, antara caranya ialah pihak universiti perlu mengaktifkan semula koperasi universiti dengan meletakkan syarat BB1M hanya boleh diguna-

“ Ada segelintir mahasiswa menyalahgunakan pemberian BB1M. **Penyalahgunaan BB1M ini menunjukkan mereka tak hargai bantuan itu**”

pakai di koperasi dan ini harus diselaraskan dengan pemantauan berkala agar penyalahgunaan BB1M tidak menular dalam kalangan mahasiswa.

Mahasiswa yang menerima BB1M tidak boleh memandang ringan perkara ini sebaliknya harus bersikap amanah.

Sekurang-kurangnya BB1M mampu mengurangkan beban sedia ada dan mahasiswa sepatutnya mempunyai inisiatif memanfaatkan bantuan dengan cara berhemat.

Muhammad Lutfi Hilmi Takiuddin,
Universiti Sains Islam Malaysia